

JUMAAT • 30.12.2016

# TIMUR

**MOHAMAD HASNUR  
ABDUL HAMID**  
(berkopiah) bersama sukarelawan UMP dan anak-anak di Perkampungan Orang Asli Kg Sentoi, Pos Betau, Kuala Lipis, Pahang, baru-baru ini.

**NUR**



Pelajar UMP berkampung di Pos Betau Kuala Lipis

## Dekati Orang Asli menerusi dakwah

Oleh **AMEER FERDAUS AB. AZIZ**  
utusanktrn@utusan.com.my

### ■ Kuantan 29 Dis.

**P**USAT Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) menganjurkan program Dakwah Ummah 3.0 di Kampung Sentoi, Pos Betau di Kuala Lipis dekat sini baru-baru ini.

Program itu melibatkan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai seramai 300 penduduk mengahuni 68 keluarga.

Pengarah Pimpin, Dr. Mahyudin Ismail berkata, seramai 35 sukarelawan terdiri daripada penuntut dan kakitangan UMP serta Penggerak Masyarakat Orang Asli menjayakan program tersebut yang mendapat sokongan Pejabat Agama Islam

UTUSAN MALAYSIA 30 DEC 2016 M/S 30 (TIMUR)



**SUKARELAWAN** Universiti Malaysia Pahang mengajar anak-anak Orang Asli mengaji di Kampung Sentoi, baru-baru ini.

Daerah Kuala Lipis serta Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Lipis.

Katanya, penganjurannya adalah sebahagian daripada usaha menyokong inisiatif UMP dalam

memasyarakatkan teknologi yang dapat dimanfaatkan masyarakat setempat.

"Di samping itu, kita dapat menjalinkan hubungan baik de-

ngan komuniti setempat terutama masyarakat Orang Asli. Penuntut juga berpeluang menempuh pengalaman baharu dan mendapat pendedahan bertemu dengan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, ketua program berkenaan, Mohamad Hasnur Abdul Hamid berkata, sepanjang Dakwah Ummah 3.0, para sukarelawan mengadakan pelbagai aktiviti antaranya kenduri kampung, bergotong-royong mengecat rumah, membuat pendawaian semula elektrik dan memperbaiki sistem paip penduduk bagi membantu mereka meningkatkan kemudahan sedia ada.

Katanya, aktiviti lain yang turut diadakan adalah sukaneka, klinik fardu ain, demonstrasi makanan tradisional, malam kebudayaan dan penyerahan sumbangan barangan kepada penduduk.